



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[THE ROLE OF WOMEN'S MUSLIM IN DA'WAH TO FAMILY AND COMMUNITY]
PERANAN WANITA MUSLIMAH DALAM DAKWAH
KEPADA KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Nurul Effa Atiekah Abdullah *
Berhanundin Abdullah

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak, 21300, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

*Corresponding author: efa9372@gmail.com

Received Date: 20 February 2017 • Accepted Date: 1 May 2019

Abstract

Muslim woman is the woman who takes care of herself by obeying the commandments of God, do all errands and leave the ban. They play a role in her life either as a slave, daughter, wife, mother and preacher to the family and society. The presence of women missionaries opened the question that every woman who is engaged in the task of preaching need to know their role in moving the missionary efforts of the family and society. The objective of this study was to examine the role that can be done by missionaries in the missionary efforts of women in the family and society. The design of this study is based on literature review by reading scientific books, previous studies and insights from leaders in Islamic studies. The role of women in the family, as children must obey the orders of both parents, a wife must obey the husband to take care of themselves as well as the welfare and property of the husband, as a mother should give complete religious teachings to children by teaching them about the faith and morals of Islam. While the role of women in society more focused on charity work and contribution of women either by education institutions, economics and politics which would affect the development of family, society and the State.

Keywords: *women's, Muslim, family, community, da'wah*

Abstrak

Wanita Muslimah merupakan wanita yang menjaga dirinya dengan mentaati perintah Allah, melakukan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan. Mereka berperanan dalam kehidupannya samada sebagai hamba, anak, isteri, ibu serta pendakwah kepada keluarga dan masyarakat. Keberadaan pendakwah dari kalangan wanita ini membuka persoalan bahawa setiap wanita yang bergerak dalam tugas dakwah itu perlu tahu akan peranan mereka dalam menggerakkan usaha dakwah terhadap keluarga dan masyarakat. Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji peranan yang boleh dilakukan oleh pendakwah wanita dalam usaha dakwah mereka dalam keluarga dan masyarakat. Reka bentuk kajian ini adalah berdasarkan

kajian perpustakaan melalui pembacaan buku-buku ilmiah, kajian-kajian terdahulu serta pandangan dari tokoh-tokoh dalam pengajian Islam. Peranan wanita dalam keluarga, sebagai anak wajib mentaati perintah kedua ibubapa, sebagai seorang isteri wajib mentaati suami dengan menjaga diri serta kebajikan dan harta benda suami, sebagai seorang ibu perlu memberi didikan agama yang sempurna kepada anak-anak dengan mengajar mereka mengenai akidah serta akhlak Islam. Peranan wanita dalam masyarakat pula lebih menjurus kepada kerja-kerja amal kebajikan dan sumbangan wanita sama ada melalui institusi pendidikan, ekonomi dan politik. Seterusnya memberi kesan kepada pembangunan keluarga, masyarakat dan negara.

Kata kunci: wanita, Muslim, keluarga, masyarakat, dakwah

Cite as: Nurul Effa Atieka Abdullah & Berhanundin Abdullah. (2019). Peranan wanita Muslimah dalam dakwah kepada keluarga dan masyarakat. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 20(2), 13-21.

PENDAHULUAN

Seseorang wanita Muslimah mempunyai kewajipan keatasnya untuk bergiat dalam tugas dakwah iaitu menyeru kearah kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran. Disamping tugasnya menyampaikan kebaikan, ia harus pandai dalam mengatur waktunya diantara urusan di rumah mahupun diluar rumah. Keseimbangan ini perlu kerana jika seseorang muslimah itu berperanan dalam rumah tangga maka dia juga turut berperanan dalam masyarakat (Abdullah 2008: 18).

Agama Islam menganjurkan wanita berperanan dalam keluarga dan masyarakat. Ini adalah kerana keduanya mempunyai hubungan yang rapat dalam membentuk lingkungan masyarakat yang sejahtera. Tanggungjawab wanita Islam ini diklasifikasi kepada dua bahagian, pertama tanggungjawab khusus yang berkaitan ibadah dan peribadi mereka iaitu mendirikan solat, menunaikan zakat dan amalan ketaatan kepada Allah s.w.t. Manakala yang kedua ialah tanggungjawab umum iaitu melaksanakan dakwah dan melibatkan diri dalam amal kebajikan dengan memberi bimbingan sosial disamping mencegah kemungkaran. Kedua-kedua tanggungjawab ini diberikan kepada kaum wanita tanpa dibezakan dengan kaum lelaki (Kamarul Azmi et al. 2008: 3). Sebagaimana firman Allah dalam Surah Ali 'Imran 2: 104 yang bermaksud, "Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji) mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya."

Maksud *أمة* di dalam ayat ini adalah mengenai sekelompok manusia yang terikat dengan jenis, bahasa, agama dan tujuan mereka. Namun kalimah *أمة* yang dimaksudkan di dalam ayat ini ialah orang-orang yang berjihad serta institusi-institusi yang terlibat dalam mengajak kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran. Pada kalimah *الخير* membawa maksud kebaikan agama Islam serta manfaatnya bagi manusia dalam kehidupan dunia dan akhirat mereka. Pada lafaz *المعروف* membawa maksud sesuatu yang dinilai baik oleh syariat agama iaitu diperintah untuk melaksanakannya kerana manfaat serta kebaikan yang ada padanya baik dari untuk individu maupun masyarakat. Pada lafaz *المنكر* membawa maksud segala sesuatu yang dilarang oleh Allah kerana padanya sesuatu yang merosakkan individu maupun akhirat. Maka, secara umumnya pada ayat ini Allah SWT memerintahkan mereka supaya membentuk satu jamaah dari golongan mereka yang bertugas dalam dakwah, melakukan amar

makruf dan nahi mungkar di negeri-negeri Islam dan kepada umat Islam itu sendiri (al-Jaza'iri 2007: 162-163).

Oleh itu, dapat diketahui bahawa ayat ini ditujukan kepada seluruh umat Islam tidak terkecuali golongan wanita. Usaha untuk mengajak manusia melakukan kebaikan itu adalah tanggungjawab bagi setiap individu Islam. Namun, usaha ini akan menjadi suatu kewajipan bagi mereka yang khusus berada dalam lapangan tersebut. Ini menunjukkan bahawa Allah sangat menuntut umatnya untuk sentiasa berbuat baik lantaran manfaat yang bakal diperolehi kelak samada manfaat di dunia dan akhirat.

SOROTAN KARYA LALU

Karya lalu yang dijadikan sebagai rujukan ialah kajian sarjana usuluddin yang dilakukan oleh Nor Hanani (2010) dalam kajian beliau yang bertajuk *Peranan Wanita dalam Dakwah mengikut Perspektif al-Quran: Kajian Surah Ali 'Imran*. Dalam kajian ini banyak menyentuh berkaitan dakwah wanita menurut al-Qur'an, peranan wanita menurut perspektif Surah Ali 'Imran serta pendekatan dakwah yang dianjurkan dalam surah tersebut. Dalam erti kata, keseluruhan kajian ini membincangkan berkaitan dakwah wanita mengikut perspektif Surah Ali 'Imran. Ia merangkumi pengenalan, latar belakang, kedudukan, kelebihan, intisari serta hubungkait Surah Ali 'Imran dengan dakwah. Kajian ini telah diterangkan banyak berkaitan kalimah dakwah dalam al-Qur'an dan sarjana Islam. Ianya juga turut menerangkan maksud kalimah dakwah dalam al-Qur'an dan sarjana muda serta definisi dakwah samada menurut bahasa Arab mahupun istilah syarak. Penerangan berkaitan dakwah wanita dalam al-Qur'an turut diketengahkan iaitu wanita sebagai pembantu kepada kaum lelaki, pentadbir rumahtangga suami, isteri kepada suami serta ibu kepada anak-anak.

Menurut artikel Siti Nur Husna et al. (2017) pula dalam *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* yang bertajuk *Peranan Wanita dalam Institusi Kekeluargaan: Perbincangan dari Perspektif Islam* telah membincangkan peranan-peranan seorang wanita dalam kehidupan mereka iaitu peranan dalam keluarga sebagai seorang isteri, ibu dan juga anak kepada kedua ibu bapa. Tidak kurang juga kajian ini turut membincangkan berkaitan wanita dalam politik, pendidikan, ekonomi, jihad serta dakwah Islamiyyah. Selain itu, wanita turut berperanan dalam masyarakat selagimana ianya menepati kehendak syarak. Pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh wanita pada masa kini terutama dalam menjadi penggerak kepada masyarakat. Namun begitu, ianya dilakukan dalam ruang lingkup yang seimbang agar ianya selari dengan komitmen mereka dalam melakukan ibadah hakiki iaitu kewajipan dan tanggungjawab sebagai isteri kepada suami, ibu kepada anak dan juga anak kepada kedua ibu bapanya. Oleh itu, kesemua peranan wanita ini telah dikupas dan dibincangkan secara terperinci menurut perspektif Islam.

Menurut artikel yang diterbitkan oleh Azyyati et al. (2012) dalam *Jurnal al-Hikmah* yang bertajuk *Khidmat Sosial Wanita pada Zaman Rasulullah SAW* ada membincangkan mengenai khidmat sosial wanita dalam dakwah. Sejak zaman Rasulullah SAW lagi ditekankan berkaitan dakwah dari kalangan wanita. Hal ini disebutkan dalam perjanjian yang berlaku antara Rasulullah dan beberapa orang wanita pada zaman dahulu yang dinamakan *Bay'ah al-'Aqabah*. Bai'ah ini telah menunjukkan bahawa kewajipan berdakwah kepada masyarakat ini bukan tanggungjawab para rasul dan ulama sahaja tetapi tugas menyampaikan dakwah ini juga adalah sebahagian dari Islam itu sendiri iaitu setiap Muslim berkewajipan untuk melaksanakannya. Oleh hal yang demikian, agama Islam sangat memandag tinggi akan tugas dakwah sepertimana Rasulullah SAW mengambil berat tentang dakwah wanita serta segala hal dalam kehidupan mereka.

Hasil karya oleh Kamarul Azmi et al. (2008) yang bertajuk *Wanita dalam Dakwah dan Pendidikan* turut menjadi sumber rujukan kajian ini. Buku ini menerangkan berkaitan peranan wanita Muslim, prinsip pendidikan bagi kaum wanita menurut perspektif Islam, sumbangan wanita dalam perkembangan pengajian al-Qur'an, kedudukan wanita warga emas dalam pendidikan serta peranan wanita dalam berdakwah. Dalam sub topik peranan wanita dalam Berdakwah ini membincangkan peranan yang harus dilaksanakan oleh seseorang wanita dalam menyampaikan dakwah iaitu dengan melaksanakan dakwah kepada anak-anak, ahli keluarga, rakan wanita, pendidikan, ekonomi, politik, penulisan, perubatan, kerjaya, kepimpinan masyarakat, kerja amal serta pertubuhan kerajaan. Sejarah aktivis wanita dalam sejarah Islam seperti Khadijah bint Khuwaylid RA, 'A'isyah RA, Ummu Shurayk RA serta Sumayyah bint Khayyat turut dijadikan contoh sebagai wanita Islam yang banyak berbakti dalam dakwah. Ia juga didatangkan dalil-dalil yang menjadi rujukan kepada kewajipan berdakwah serta kepentingan wanita untuk bergiat dalam lapangan dakwah kerana dakwah itu bukan hanya terhad kepada kaum lelaki. Malahan, kaum wanita juga sangat disarankan untuk berada bersama-sama dalam medan dakwah.

Karya Muhammad 'Ali al-Hashimi (2006) yang bertajuk *Kepribadian Wanita Muslimah* turut dijadikan sebagai rujukan kajian ini. Karya ini membincangkan peribadi-peribadi yang harus dicontohi bagi setiap wanita Muslimah samada ketika bersama tuhanNya, dirinya, ibubapanya, suaminya, anak-anaknya, menantu, saudara, jiran dan tidak kurang juga ada dinyatakan keperibadian wanita bersama masyarakatnya. Dalam topik keperibadian wanita Muslimah bersama masyarakat telah dinyatakan segala sifat yang perlu ada bagi seseorang wanita itu. Salah satunya sifat mengajak kepada kebenaran dan mencengah kepada kemungkaran. Hal ini jelas menunjukkan bahawa ianya adalah sifat yang sangat diperlukan bagi pendakwah wanita dalam menyampaikan kebaikan kepada masyarakat.

Karya Abdul Ghafar Don et al. (2007) yang bertajuk *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia: Konsep dan Perlaksanaan* berkaitan pengurusan dakwah di kalangan wanita. Karya ini juga didatangkan dengan tokoh wanita dalam pengurusan Islam iaitu Khadijah bint Khuwaylid. Keupayaan wanita dalam pengurusan dakwah di kalangan wanita turut dijelaskan dengan terperinci dalam karya ini bagaimana pendakwah wanita menjalankan tugas mereka dalam sesuatu lapangan dakwah iaitu dengan mengendalikan tugas-tugas yang berkaitan dengan kursus, ceramah, seminar, majlis-majlis serta kerja-kerja amal kebajikan yang lain. Oleh itu, wanita juga tidak kurang peranannya dalam sesebuah organisasi kerana terdapat kerja-kerja dakwah yang banyak dilakukan oleh wanita dalam berbakti kepada masyarakat.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian ke pustaka. Setiap maklumat yang terdapat didalam setiap bahan yang dijumpai dianalisis sekiranya ia berkaitan dengan kajian seperti dalam jurnal, artikel, akhbar, majalah, buku Ilmiah, kajian lepas serta semua bahan yang berautoriti untuk dijadikan sebagai bahan rujukan. Beberapa pandangan tokoh dalam bidang dakwah turut dijadikan sebagai rujukan dalam kajian ini. Segala maklumat yang dikenalpasti bersesuaian akan dijadikan sebagai rujukan.

Definisi Istilah

Wanita Muslimah

Menurut *Kamus Istilah Fiqih* (1994), Muslim bermaksud sebutan bagi seseorang yang berserah diri sepenuhnya kepada Allah dengan melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya demi

keselamatan dunia dan akhirat iaitu orang yang mengucapkan dua kalimah syahadah, mendirikan solat, berpuasa, menunaikan zakat serta menunaikan haji bagi yang berkemampuan. Jadi, wanita Muslimah bermaksud wanita yang menyerahkan sepenuh dirinya terhadap Allah SWT dan ia bukanlah beerti wanita Islam semata. Wanita Muslimah memberi sepenuh kepercayaannya terhadap segala yang disuruh dan dilarang oleh Allah iaitu dengan Melakukan rukun Islam dengan sebaiknya (Abdul Mujieb et al. 1994: 229-230).

KERANGKA KONSEPTUAL TEORI KAJIAN



Rajah 1 Rangka Konsep Kajian

PERBINCANGAN DAN ANALISIS

Peranan Wanita dalam Dakwah kepada Keluarga

Wanita yang memiliki sifat keibuan ini sangat diperlukan dalam mendidik ahli keluarganya. Mereka menggalas tanggungjawab yang berat sebagai seorang isteri kepada suami serta ibu kepada anak-anak. Oleh kerana itu, setiap wanita muslimah perlu kepada ilmu agama agar mampu mendidik anak-anak dalam suasana Islam yang sebenar iaitu dengan mengajarkan mereka solat berjemaah bersama-sama, mengajar anak-anak dengan ilmu al-Qur'an serta tajwid, mendisiplinkan mereka dalam melakukan kewajipan agama serta segala ilmu yang berkaitan dengan agama. Ini merupakan salah satu dakwah bagi seseorang wanita dalam berkeluarga iaitu mendorong suami serta anak-anak dalam mentaati Allah dengan mengajak keluarga melakukan solat, puasa, ziarah serta segala amalan baik yang dituntut agama. Tanpa wanita, tiada lagi perkembangan manusia, hilang keindahan dunia dan segalanya akan menjadi porak peranda. Oleh hal yang demikian, tidak hairan jika wanita muslimah itu diberi kedudukan yang tinggi oleh Allah dan rasul-Nya (Khamsiah 1981: 3).

Keluarga merupakan sebuah Institusi kecil dalam sesebuah masyarakat. Sekiranya seseorang wanita Muslimah itu memainkan peranannya dalam keluarga maka akan baik keluarganya dan begitulah sebaliknya. Justeru, seseorang muslimah tidak perlu merasa rendah diri akibat keterbatasan ruang lingkup persekitarannya dalam berdakwah kerana dalam ruang lingkup yang kecil ini memainkan peranan yang besar dalam membentuk generasi akan datang. Jika semua wanita muslimah berperanan dalam keluarga akan memberi kesan kepada masyarakat dan negara (Maimunah 1997: 157).

Jika dilihat pada sirah nabi terdahulu, Sayyidatina Khadijah iaitu isteri pertama Nabi Muhammad serta ibu kepada anak-anak nabi. Beliau merupakan tokoh wanita yang perlu dijadikan sebagai contoh wanita masa kini dalam membentuk sebuah keluarga *salimah*. Sayyidatina Khadijah memainkan peranan penting dalam mendorong dakwah Nabi Muhammad. Beliau merupakan pendorong serta penguat Nabi Muhammad ketika nabi pertama kali menerima wahyu dari Allah. Ketika Nabi

Muhammad ketakutan setelah menerima wahyu pertama di Gua Hira', Khadijah tampil sebagai peransang nabi, bijak mengawal situasi serta menjadi penenang kepada nabi. Ini jelas menunjukkan peranan wanita dalam dakwah terhadap keluarganya iaitu dengan menjadi tulang belakang kepada suami dan anak-anak (al-Qaradawi 2015: 12).

Allah SWT memberikan ganjaran pahala kepada hamba-Nya yang sentiasa mempelajari dan memperbaiki keadaan hidupnya serta berusaha ke arah mentaati perintahnya. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Fussilat 41:33 yang bermaksud, "Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata, "Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!".

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah memberikan khabar gembira kepada orang yang beriman dan melakukan amal kebaikan. Terdapat tiga syarat yang terkandung di dalam ayat ini iaitu pertama ialah orang yang menyeru manusia ke arah mentaati, menyembah, mengesakan serta serta menuruti segala suruhan Allah. Kedua, melakukan kebaikan dengan mengerjakan segala kewajipan dan meninggalkan segala perkara-perkara yang haram disisi agama. Ketiga, seseorang perlu bangga menjadi seorang Muslim. Hal ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga syarat ini perlu dimiliki bagi seseorang yang baik akhlakunya. Ayat ini juga ditujukan kepada para rasul, para ulama, para mujtahid, orang-orang Mukmin serta para dai yang memberikan petunjuk dan mendapat petunjuk (al-Jaza'iri 2009: 523-524).

Peranan Wanita dalam Dakwah kepada Masyarakat

Tugas dakwah ini dipikul oleh semua umat Islam sama ada lelaki mahupun wanita. Kekuatan yang ada pada seseorang wanita seperti kekuatan minda, psikologi, pujukan, rayuan, senyuman dan emosi merupakan suatu kelebihan yang mampu menggoncang jiwa seseorang untuk mendampingi. Segala keistimewaan ini akan meninggalkan kesan yang positif seandainya ia disalurkan dalam landasan dakwah iaitu mengajak kepada kebaikan serta mencegah daripada kemungkaran. (Kamarul Azmi 2008: 132-133).

Keterlibatan wanita dalam tugas dakwah menjadikan wanita lebih berperanan dalam masyarakat. Secara umumnya, dalam sesebuah organisasi yang melibatkan dakwah kepada masyarakat, wanita memainkan peranan dalam menjalankan tugas seperti memberi ceramah agama kepada masyarakat khususnya ceramah kepada kaum wanita disamping mengajarkan kaum wanita berkaitan ilmu fardu ain, menyelaras kursus-kursus berbentuk kekeluargaan serta keagamaan seperti kursus imam dan bilal, kursus kahwin serta menjaga kebajikan saudara baru dalam pengislaman disamping menyelami masalah mereka yang berkaitan dengan keluarga serta mempertingkatkan kefahaman Islam kepada mereka. Wanita juga turut mengambil alih dalam tugas menjaga kebajikan masyarakat seperti mengurus majlis-majlis agama seperti perayaan Maal Hijrah, Mawlid al-Rasul serta menjadi kaunselor kepada masyarakat (Abdul Ghafar et al. 2006: 138).

Wanita juga memainkan peranan penting dalam dunia pendidikan. Wanita yang terdidik dengan ilmu pengetahuan akan dapat memperbaiki kehidupan di sekelilingnya. Melalui pendidikan juga wanita dapat mencapai pelbagai peluang dalam kehidupan mereka. Peningkatan dalam dunia pendidikan dapat memberi peluang kepada wanita serta memperbaiki status dan peranan mereka dalam masyarakat supaya wanita dan lelaki itu dapat bergerak seiring dalam memajukan sesebuah kehidupan sosial (Sumantri 2007: 180).

Selain itu, wanita turut membantu dalam membangunkan ekonomi. Wanita bekerja mencari nafkah hidup bukanlah sesuatu yang luar biasa dalam sejarah kerana lelaki dan wanita itu harus saling bantu membantu. Keperluan wanita dalam masyarakat adalah satu kepastian yang tidak mungkin dihalang kerana ianya adalah sebahagian daripada fitrah manusia itu sendiri. Hal ini menunjukkan bahawa fungsi wanita bukan sahaja hamil, melahirkan dan memelihara anak semata-mata. Bahkan, wanita sangat berperanan dalam membantu ekonomi serta kehidupan diluar rumah. Oleh itu, tanggungjawab yang dipikul bersama ini mampu memberi impak yang baik kepada ekonomi negara (Siti Fatimah 2006: 27-28).

Wanita juga menyumbang kepada institusi politik negara. Landasan politik tidak hanya terhad kepada golongan lelaki sahaja. Malah, wanita tidak lari dari persoalan politik kerana ianya bertujuan untuk membantu dalam mencorakkan kepimpinan negara. Bagi pemimpin wanita, mereka memahami hasrat dan kepentingan kaum wanita itu sendiri. Kaum wanita yang terlibat dalam politik dapat membantu dalam memberi kesedaran politik dan ceramah-ceramah politik semasa yang sihat dan membangun. Ceramah-ceramah ini perlu dijadikan sebagai cara untuk menyatukan masyarakat dan menanam semangat cintakan negara. Wanita perlu merancang dan mempunyai agenda yang jelas, munasabah dan berkesan agar dapat mencapai kesepaduan dan keharmonian. Seorang wanita yang berperanan dalam politik dapat menyemai bibit perpaduan dalam diri anak-anak mereka (Zaleha 2000: 43-45).

Kisah 'A'ishah RA boleh dijadikan contoh kepada para wanita Muslimah masa kini dalam berdakwah kepada masyarakat. Beliau merupakan seorang wanita yang bertakwa, warak dan zuhud dalam kehidupannya. 'A'ishah membesar bersama ayahnya Abu Bakr al-Siddiq. Dari situ, beliau mengenal zuhud dan mengutamakan kepentingan orang lain. Ayahnya telah mendermakan hartanya semata-mata untuk kepentingan agama. Ini menunjukkan bahawa pengorbanan 'A'ishah dalam berdakwah kepada masyarakat dapat dijadikan contoh kepada para wanita Muslimah kini. Kecekalan hati serta ilmu yang dimilikinya menjadikan 'A'ishah sebagai tempat rujukan masyarakatnya pada ketika itu. Beliau juga banyak menukilkan pelbagai hukum dan adab. Ini menunjukkan bahawa dakwah beliau sangat berpengaruh dan perlu dijadikan contoh bagi wanita Muslimah masa kini (al-Sa'dani 2015: 74). Allah telah berfirman dalam Surah al-Nahl 16:97 yang bermaksud, "Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalas mereka dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan".

Ayat diatas menerangkan bahawa Allah SWT telah menjanjikan suatu ganjaran yang besar kepada sesiapa sahaja yang berbuat kebaikan baik lelaki mahupun perempuan. kebaikan yang dimaksudkan adalah perbuatan yang mengikuti al-Qur'an dan sunnah Nabi SAW. Bagi lelaki mahupun wanita yang melakukan amal kebaikan di dunia, maka Allah akan memberikan ganjaran kehidupan yang baik dan sejahtera kepada mereka. Maksud kehidupan yang baik disini ialah merangkumi ketenteraman dalam setiap aspek kehidupan manusia. Manakala, diakhirat pula Allah memberikan balasan yang setimpal keatas setiap amalan baik yang di lakukan oleh mereka semasa hayatnya di dunia (al-Mubarakfuri 2011: 253).

Menurut al-Qurtubi pula menjelaskan bahawa terdapat lima pendapat yang menjelaskan berkaitan kehidupan yang baik iaitu Ibn 'Abbas, Sa'id ibn Jubayr, 'Ata' dan al-Dahhak mengatakan rezeki yang baik adalah rezeki yang halal. Kedua, diberikan kecukupan. Ini adalah ungkapan dari 'Ali ibn Abu Talib. Ketiga, maknanya dikatakan oleh al-Dahhak bahawa Allah memberikan petunjuk supaya taat agar mencapai redha Allah. Pendapat keempat pula dari Mujahid, Qatadah dan Ibn Zayd

mengatakan bahawa kehidupan yang baik itu adalah syurga yakni kebahagiaan bagi seseorang hamba di dunia. Kelima, Abu Bakr al-Warraq berpendapat bahawa kehidupan yang baik itu hasilnya dari ketaatan seseorang hamba (al-Qurtubi 2008: 433-434).

Oleh yang demikian, Allah telah menjelaskan kepada kita bahawa setiap amalan yang baik itu akan dibalas dengan nikmat di dunia dan di akhirat. Allah akan memberikan kecukupan serta ketenangan dalam hati mereka sesuai dengan kebaikan yang telah dilakukan. Bagi pendakwah wanita yang bersungguh dalam usaha dakwah juga turut diberikan ganjaran yang setimpal oleh Allah di atas kebaikan dan kebajikan yang dilakukan.

KESIMPULAN

Kewujudan pendakwah wanita telah membuka mata masyarakat bahawa wanita juga mempunyai tempat tersendiri di hati masyarakat. Mereka memainkan peranan penting dalam menerajui tonggak negara. Dalam institusi keluarga, wanita berperanan sebagai anak kepada ibu bapanya bagi yang belum berkahwin. Bagi yang sudah berumahtangga, wanita memainkan peranan sebagai seorang isteri kepada suami, menjaga kebajikan suami, menyediakan makan minum serta menjaga diri untuk suami. Wanita juga berperanan sebagai seorang ibu kepada anak-anak dengan mendidik mereka, memberi asuhan yang sempurna serta contoh yang baik kepada mereka agar-anak-anak membesa dalam suasana Islam yang sempurna. Ini menunjukkan bahawa wanita juga boleh berdakwah di rumah iaitu kepada suami dan anak-anaknya.

Peranan wanita dalam keluarga sangat penting diutamakan kerana daripada keluarga akan terbentuknya masyarakat. Dalam keluarga, wanita berperanan sebagai isteri dan ibu. Namun begitu, ianya tidak menghalang wanita untuk berdakwah kepada masyarakat di sekelilingnya. Ini adalah kerana terdapat pelbagai cara dakwah yang dapat dilakukan seperti dakwah kepada jiran, dakwah kepada sanak saudara serta orang-orang yang terdekat dengannya melalui contoh akhlak yang baik. Seorang wanita Muslimah akan tetap teguh mengajak manusia melakukan kebaikan dan mencegah mereka daripada melakukan kemungkaran kerana tugas ini dipikul oleh seluruh umat Islam termasuklah wanita.

Tidak kurang juga, wanita turut berperanan sebagai seorang hamba kepada pencipta-Nya. Hal ini tidak dinafikan lagi kerana setiap manusia yang beragama Islam itu berperanan sebagai seorang Muslim termasuklah wanita. Seorang wanita Muslimah perlu mentaati segala perintah Allah dengan menjaga dirinya sebaik mungkin, menutup aurat, melaksanakan setiap tanggungjawab yang telah ditetapkan keatasnya. Wanita Muslimah juga tidak terlepas dalam melakukan amal kebaikan supaya dapat mendekatkan diri kepada Allah. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa wanita ini berperanan besar dalam kehidupannya di dunia dan juga di akhirat.

Oleh itu, wanita Muslimah ini perlu menyedari tanggungjawab berdakwah dalam masyarakat melalui silaturahim dan persaudaraan dalam komuniti setempat. Selain itu, pihak yang bertanggungjawab seperti kelab rukun tetangga perlu mengadakan perbincangan, diskusi, forum atau ceramah berkaitan hal ehwal agama khas untuk golongan wanita. Selain itu, perlu juga mengadakan kelas-kelas agama khas untuk wanita setiap minggu seperti kelas fardu ain, mengaji serta kelas yang membicarakan berkaitan kitab-kitab dapat meningkatkan lagi kefahaman wanita berkaitan ilmu agama. Tambahan pula, dengan memperbanyakkan aktiviti-aktiviti yang bersifat kerohanian seperti ceramah, tadarus, nasyid serta program-program agama mampu memberi peluang kepada pendakwah wanita untuk mengajarkan ilmu mereka kepada masyarakat.

PENGHARGAAN

Artikel ini mendapat sumbang saran daripada Almarhumah Dr. Azyyati Mohd Nazim selaku penyelia pertama dalam peringkat sarjana pengajian Islam sebelum beliau meninggal dunia pada 8 Oktober 2018.

RUJUKAN

al-Qur'an al-Karim.

al-A'laf, 'Abd Allah ibn Ahmad. 2008. *Kiprah Dakwah Muslimah*. Terj. Jawa Tengah: Pustaka Arafah.
Abdul Ghaffar Don, Berhanundin Abdullah & Zulkiple Abd. Ghani. 2007. *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia: Konsep dan Perlaksanaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Azyyati Mohd Nazim, Fariza Md. Sham & Salasiah Hanim Hamjah. 2012. Khidmat sosial wanita pada zaman Rasulullah SAW. *Jurnal al-Hikmah* 4: 37-49.

al-Jaza'iri, Abu Bakr Jabir. 2007. *Tafsir al-Quran al-Aisar*. Jil. 2. Terj. Jakarta: Darus Sunnah Press.

al-Jaza'iri, Abu Bakr Jabir. 2009. *Tafsir al-Quran al-Aisar*. Jil. 6. Terj. Jakarta: Darus Sunnah Press.

Kamarul Jasmi Azmi, Mohd. Ismail Mustari & Azhar Muhammad. 2008. *Wanita dalam Dakwah dan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Khamsiah Ahmad. 1981. *Wanita Islam*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

Maimunah Arshad. 1997. *Disebalik Kelembutan Isteri dan Kegagahan Suami*. Johor Bahru: Jahabarsa.

al-Mubarakfuri, Safiy al-Rahman. 2011. *Shahih Tafsir Ibnu Katsir*. Terj. Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir.

Mujieb, A., Tholhah, M. & Syafi'ah, A.M. 1994. *Kamus Istilah Fiqih*. Jakarta: PT Pustaka Firdaus.

Nor Hanani. 2010. *Peranan Wanita dalam Dakwah mengikut Perspektif al-Quran: Kajian Surah Ali-Imran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

al-Qaradawi, Yusuf. 2015. *Wanita-wanita Syurga*. Terj. Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd.

al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Ahmad ibn Abu Bakr al-Ansari. 2008. *Tafsir al-Qurthubi*. Terj. Jakarta: Pustaka Azzam.

al-Sa'dani, Ahmad. 2015. *Wanita-wanita Syurga*. Batu Caves: al-Hidayah Publication.

Siti Fatimah Abdul Rahman. 2006. *Memahami Kedudukan Wanita Berjaya dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: MPH Group Publishing.

Siti Nur Husna Abd Rahman, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim & Muhammad Adnan Pitchan. 2017. Peranan wanita dalam institusi kekeluargaan: Perbincangan dari perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities* 12(3): 4-11.

Sumantri, Mulyani. 2007. *Ilmu dan Aplikasi Pendidikan (Pendidikan Wanita)*. t.tp.: Pt. Imtima.

Zaleha Ismail. 2000. *Perjuangan Wanita Malaysia dalam Pembangunan Negara*. Gombak: Thinker's Library Sdn. Bhd.